

PKP: KPDNHEP periksa 4,495 premis perniagaan di Sarawak

2020-04-20T16:55:28+08:00
oleh Marlinda Mardzuki



Pegawai penguatkuasa KPDNHEP Sarawak membuat pemeriksaan ke atas premis perniagaan - Gambar ihsan KPDNHEP Sarawak

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak melaksanakan pemeriksaan ke atas 4,495 premis perniagaan meliputi bandar dan luar bandar sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi tempoh 18 Mac hingga 19 April.

Pengarahnya, Datuk Stanley Tan berkata, sebanyak 22 kes dicatatkan dengan nilai rampasan sebanyak RM2,451.50 dan kompaun berjumlah RM1,650.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan kes melibatkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, tujuh kes Akta Timbang dan Sukat 1972, dua kes Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan empat kes Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya ketika dihubungi Utusan Borneo hari ini.

Menurut beliau, sebanyak 44 Notis Pencatutan dikeluarkan dari 1 Januari hingga 19 April dan daripada jumlah tersebut, 24 Notis dikeluarkan dalam tempoh PKP berlangsung kerana disyaki berlaku kenaikan harga.

Sementara itu, Stanley berkata, KPDNHEP Sarawak turut menerima 241 aduan di seluruh negeri sejak PKP dikuatkuasakan sehingga 19 April lalu melibatkan aduan penutup mulut dan hidung, pensanitasi tangan, keperluan asas dan lain-lain aduan.

"Aduan berkaitan penutup mulut dan hidung dicatatkan sebanyak 130, pensanitasi tangan sebanyak 14, aduan dalam talian sebanyak 45, keperluan asas sebanyak 58 dan lain-lain aduan sebanyak 58. Semua aduan yang diterima ini disiasat oleh pihak KPDNHEP Sarawak," ujarnya.

Mengenai Skim Harga Maksimum Perintah Kawalan Pergerakan (SHMPKP), Stanley memberitahu, setakat hari ini, skim tersebut belum dilaksanakan lagi memandangkan ia masih dalam peringkat kajian pengurusan tertinggi Ibu Pejabat KPDNHEP di Putrajaya.

Namun begitu, tegasnya, KPDNHEP Sarawak melaksanakan pemeriksaan harian secara berterusan bagi memantau premis-premis perniagaan utama seperti di pasar raya besar, pemborong utama, pasar kecil, kedai-kedai runcit, pasar-pasar awam dan lain-lain kategori perniagaan sepanjang tempoh PKP.

"Pemeriksaan secara harian dilaksanakan bagi memastikan barangan keperluan isi rumah serta makanan dan minuman berada di pasaran dan dijual pada harga yang berpatutan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini.

"Di samping itu, pemeriksaan dijalankan bagi memastikan mana-mana pihak (peniaga) tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan secara tidak munasabah terutama dalam situasi di mana orang ramai memerlukan barangan keperluan tersebut.

Sekiranya didapati peniaga menaikkan harga yang tidak munasabah dan melebihi paras margin keuntungan, menurutnya, tindakan tegas akan diambil.

"Di bawah Seksyen 14, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 menyatakan mana-mana orang dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, mencatut dalam menjual atau menawarkan untuk menjual dan membekal apa-apa barang atau perkhidmatan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk individu.

"Manakala untuk syarikat atau Pertubuhan Perbadanan boleh didenda sehingga RM500,000," jelas beliau.

Bagi peniaga menaikkan harga yang tidak munasabah dan melebihi paras harga kawalan, tambahnya, tindakan tegas akan diambil di bawah Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu mana-mana orang yang menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa barangan yang terkawal yang mengutip deposit selain mengikut harga atau caj-caj yang ditentukan oleh pengawal.

"Sebagai contoh, jika ada peniaga yang menaikkan harga topeng muka yang dikawal oleh pihak kementerian dan jika disabitkan kesalahan denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk individu.

"Sementara syarikat atau Pertubuhan Perbadanan boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 atau dikompaukan sehingga RM250,000," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menyeru semua peniaga untuk tidak mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan yang tidak munasabah atau terlalu tinggi dalam tempoh pelaksanaan PKP ini.

"Para peniaga juga dinasihatkan untuk mengamalkan perniagaan yang beretika dan tidak menaikkan harga barangan sesuka hati.

"Jika didapati ada peniaga yang ingkar, tindakan tegas akan diambil.KPDNHEP Sarawak akan terus menjalankan pemeriksaan dan pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan masyarakat pengguna di luar sana dapat menikmati barangan keperluan pada harga yang berpatutan," katanya.

Selain itu, beliau juga menasihatkan pengguna supaya membeli barangan secara berhemah, menjarakkan diri ketika membuat pembelian dan tidak melakukan pembelian panik kerana stok barangan keperluan mencukupi.

Sebarang aduan boleh disalurkan melalui talian hotline kementerian di 1-800-886-800 atau Portal e-aduan kpdnhep di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau di talian Whatsapp 019-2794317 atau hadir sendiri di mana-mana pejabat Kementerian yang berhampiran supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.

Sepanjang tempoh PKP, bilik gerakan KPDNHEP Sarawak di buka dari jam 8 pagi hingga 6 petang setiap hari dan boleh dihubungi untuk menyalurkan apa-apa aduan seperti talian 082-466052 di PPDNHEP KUCHING; PPDNHEP SRI AMAN (083-323836) ; PPDNHEP SARIKEI (084-657751); PPDNHEP SIBU (084-329202); PPDNHEP KAPIT (084-799678); PPDNHEP BINTULU (086-332176); PPDNHEP MIRI (085-412862); PPDNHEP LIMBANG (085-217414); PPDNHEP MUKAH (084-872726) dan PPDNHEP LAWAS- (085-283650)

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/20/pkp-kpdnhep-periksa-4495-premis-perniagaan-di-sarawak>

